



LAPORAN TAHUNAN 2013



PRAKATA



PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) kerana telah berjaya menyempurnakan tugas-tugas yang diamanahkan dalam menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) seperti mana yang dirancang dan seterusnya input tersebut diterjemahkan dalam Laporan Tahunan ini. Laporan ini mengandungi pencapaian dan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) dalam menguatkuasakan Akta Kualiti Alam sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya, sepanjang tahun 2013.

Tugas utama JAS WPKL ditumpukan kepada penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127). Selaras dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tanggungjawab terhadap kepentingan alam sekitar adalah lebih mencabar dan memerlukan perhatian yang lebih dalam usaha membendung masalah pencemaran alam sekitar.

Antara penglibatan penting JAS WPKL adalah dalam pelaksanaan projek *River of life* (ROL) 'Sungai Nadi Kehidupan' yang merupakan projek Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley (KL/KV) di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bagi Program Transformasi Ekonomi (ETP). Tujuan projek ROL adalah untuk mentransformasikan Sungai Klang menjadi sebuah sungai ikon di bandaraya Kuala Lumpur yang berdaya maju dan membangun pesat. Di bawah projek ROL, JAS WPKL yang terlibat bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Inisiatif 11 iaitu Mempromosi, Menguatkuasa dan Menguruskan Kebersihan Sungai dan Kesihatan Industri yang Menghasilkan Air Sisa/Efluen akan memantau dan mempertingkatkan lagi penguatkuasaan ke atas premis-premis di bawah bidangkuasa JAS.

JAS WPKL akan terus melakukan pemantauan kualiti alam sekitar dan mempergiatkan lagi program penguatkuasaan untuk memastikan langkah-langkah kawalan pencemaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Diharap kerjasama yang berterusan semua pihak termasuk orang awam dapat membantu dalam mewujudkan masyarakat yang prihatin dalam pengurusan alam sekitar serta dapat meningkatkan kualiti alam sekitar untuk menjamin kesejahteraan alam sekitar kita sepanjang masa.

Terima kasih.

Y.M Tengku Bakry Bin Tengku Johan

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

JAWATANKUASA PENERBITAN

LAPORAN TAHUNAN 2013
JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Y.M Tengku Bakry Tengku Johan

Penaung

**Puan Hjh Halimah Taib
Puan Norazma Zainuddin**

Penasihat

Puan Mashita Kassim

Ketua Editor

**Puan Mastawa Hj Zainudin
Encik Ahmad Azri Alias
Cik Norfaizah Baharuddin
Encik Yahya Abdullah**

Editor

**Puan Norsyazwani Che Mohamad
Encik Rahmat Shah Mohd Sharif
Encik Abu Bakar Itam**

Urusetia

BAB 1

BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN

Struktur Organisasi



Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C54 yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. JAS WPKL telah ditubuhkan pada 1 Februari 1995. Pada tahun 2013, JAS WPKL telah menerima Senarai Perjawatan daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mana bilangan perjawatan semasa untuk JAS WPKL adalah sebanyak 95 perjawatan. Struktur bahagian-bahagian adalah terdiri daripada Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pentadbiran, Kewangan & Teknologi Maklumat. Carta Organisasi adalah seperti di Rajah 1.0.

Perjawatan



Sehingga 31 Disember 2013, JAS WPKL mempunyai kekuatan 91 anggota daripada 95 perjawatan yang diluluskan. Pecahan jawatan adalah seperti di Jadual 1.0.

Peruntukan Kewangan



Bagi tahun 2013, sebanyak RM 4,733,508.00 peruntukan telah diterima untuk perbelanjaan mengurus dan sebanyak RM 23,000.00 peruntukan telah diterima bagi Program Pendidikan & Penilaian Alam Sekitar (MASM & KeKAS) dan peruntukan Harta Modal Jabatan sebanyak RM 3,950.00 bagi pembelian alat merekod kehadiran menggunakan pengimbas jari - Thumbprint. Peruntukan bagi Bahagian Pembangunan pula diterima sebanyak RM 89,112.00.00 untuk program Flagship Sekolah Lestari, Kayuhan Hijau dan Rakan Alam Sekitar serta bagi penyelenggaraan perkakasan alatan GIS.



Dalam tahun 2013, JAS WPKL telah mencatatkan kutipan hasil berjumlah RM 182,570.00. Ini berbeza dengan tahun 2012 yang mana hanya sebanyak RM 143,719.30 berjaya dikutip daripada aktiviti kompaun dan bayaran lain-lain. Jadual 1.1 berikut menunjukkan pecahan pungutan hasil mengikut aktiviti bagi tahun 2013.

Jadual 1.1 JAS WPKL: Pungutan hasil mengikut aktiviti bagi tahun 2013

| Kod | Aktiviti | Jumlah Kutipan (RM) |
|-------|---------------------------|---------------------|
| 76199 | Kompaun | 181,200.00 |
| 71408 | Bayaran Proses Permohonan | 1,200.00 |
| 71999 | Jualan Buku | 170.00 |
| | JUMLAH | 182,570 .00 |

Jadual 1.0 Perjawatan Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur

| Bil. | Jawatan | Gred | Bil. Kakitangan |
|------|---------------------------------------|------|-----------------|
| 1 | Pengarah (Pegawai Kawalan AS) | C54 | 1 |
| 2 | Ketua Pen. Pengarah (Peg. Kawalan AS) | C48 | 2 |
| 3 | Pegawai Kawalan Kanan | C44 | 2 |
| 4 | Pegawai Kawalan | C41 | 8 |
| 5 | Pen. Pegawai Kawalan Tinggi | C38 | 1 |
| 6 | Pen. Pegawai Kawalan Kanan | C32 | 10 |
| 7 | Pen. Pegawai Kawalan | C27 | 22 |
| 8 | Penolong Jurutera | JA29 | 27 |
| 9 | Juruteknik Kanan | J22 | 1 |
| 10 | Juruteknik | J17 | 22 |
| 11 | Penolong Pegawai Tadbir Kanan | N32 | 1 |
| 12 | Pen. Pegawai Teknologi Maklumat | F29 | 1 |
| 13 | Setiausaha Pejabat | N27 | 1 |
| 14 | Pembantu Akauntan | W17 | 2 |
| 15 | Pembantu Tadbir (P/O) | N17 | 4 |
| 16 | Pembantu Am Pejabat | N4 | 1 |
| 17 | Pemandu Kenderaan Bermotor | R3 | 7 |
| | Jumlah Perjawatan | | 95 |




Unit Teknologi Maklumat telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

SISTEM ATAS TALIAN (ONLINE SERVICES)



Terdapat beberapa sistem atas talian yang digunapakai oleh Jabatan ini dan para industri bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan harian. Antaranya ialah :

- 1.) Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E – KAS) – E – KAS merupakan sistem aplikasi bersepadu yang menampung kapasiti data-data dan maklumat berkaitan dengan alam sekitar.



Gambarajah 1.2 : Gambar screen shot Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara yang dibangunkan Jabatan Alam Sekitar Malaysia untuk makluman kepada orang awam.

- 2.) Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara (APIMS) – APIMS merupakan satu sistem yang dibangunkan bagi memudahkan orang awam untuk mengetahui nilai Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkod oleh stesen-stesen pengawasan udara yang terdapat di seluruh Malaysia. Bagi orang awam yang ingin maklumat terkini IPU Malaysia boleh melayari laman web di alamat <http://apims.doe.gov.my>.
- 3.) Sistem Perpustakaan JAS – Merupakan satu sistem untuk memudahkan warga JAS mencari bahan ilmiah dengan cepat dan tepat.
- 4.) Pusat Maya Industri Hijau (Green Industry Virtual Centre) – merupakan aplikasi berterusan strategi alam sekitar bersepadu yang diaplikasikan kepada proses, produk dan perkhidmatan untuk meningkatkan eco-efficiency dan mengurangkan risiko kepada manusia dan alam sekitar.
- 5.) Environmentally Hazardous Substances Notification and Registration (ENHCR)– Objektif ENHCR atau Skim Pemberitahuan dan Pendaftaran Bahan Berbahaya (EHS) Malaysia adalah untuk mengumpul maklumat daripada industri tentang bahan berbahaya yang ada di pasaran Malaysia dengan memperkenalkan keperluan pemberitahuan untuk bahan-bahan tersebut dihasilkan di dalam atau diimport ke Malaysia.

Kelengkapan ICT

Pada tahun 2013, Unit Teknologi Maklumat telah menerima komputer peribadi sebanyak 3 unit dan 7 unit pencetak, 1 unit access point wireless, 3 unit komputer tablet dan 5 unit OS PDA untuk kegunaan pegawai dan kakitangan di JASWPKL.

Secara keseluruhan, kesemua pegawai dan kakitangan di JASWPKL telah menerima seunit komputer peribadi bagi membolehkan mereka membuat tugas masing-masing.

BAB 2

BAHAGIAN OPERASI

UNIT PUNCA-PUNCA TETAP



PROGRAM PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

Pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya adalah tumpuan kepada program penguatkuasaan yang dilaksanakan setiap tahun. Pelaksanaan program penguatkuasaan pada tahun 2013 adalah kepada kategori industri yang bermasalah dan juga loji-loji rawatan sisa kumbahan, bengkel-bengkel kenderaan dan punca-punca yang menjana bahan buangan terjadual (buangan toksik dan berbahaya). Sebanyak 2087 punca pencemaran telah dikenalpasti dan berjaya direkodkan sehingga tahun ini.

Hasil pemantauan berterusan dan tindakan tegas jabatan sepanjang tahun 2013, beberapa premis yang mempunyai sistem pengolohan effluen yang bermasalah telah berjaya meningkatkan kecekapan sistem rawatan effluen masing-masing dengan memberikan kerjasama dan kesungguhan untuk mengatasi masalah di premis mereka. Hasilnya, effluen yang dirawat telah dapat mematuhi Standard B, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Jabatan akan terus berusaha untuk mencapai sasaran pematuhan 100% pada tahun 2014.

LAWATAN PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN PREMIS INDUSTRI

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 597 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan terhadap premis-premis perindustrian, loji-loji kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., loji rawatan sisa kumbahan swasta dan lain-lain premis. Program pemeriksaan dan penguatkuasaan memberi tumpuan kepada punca-punca pengeluar effluen dan kumbahan yang bermasalah serta punca-punca pengeluar buangan terjadual terutamanya bengkel/workshop, premis berasaskan percetakan dan premis berasaskan perubatan seperti klinik dan hospital. Hasil program ini, terdapat peningkatan punca-punca pengeluar buangan terjadual berbanding tahun 2012. Peratusan pematuhan yang tertakluk kepada kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya adalah seperti berikut:

- i. 94.56% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009;
- ii. 90.50% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978;
- iii. 77.07% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

Status pematuhan di atas mengikut jenis industri yang terlibat adalah seperti di Jadual 2.0. Selain itu, semua aktiviti dan tindakan penguatkuasaan juga dipantau melalui Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS) dan "Monthly Discharge Monitoring Report" (MDMR). Sasaran pencapaian yang ditetapkan (KPI) 100% penggunaan sepenuhnya aplikasi Sistem MDMR oleh pihak industri dan loji rawatan sisa kumbahan telah berjaya dicapai.

PROGRAM PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG DITETAPKAN DAN PUNCA-PUNCA BUANGAN TERJADUAL

JAS telah mula menguatkuasakan kepada semua pengeluar buangan terjadual, kontraktor pengangkut dan penerima buangan terjadual untuk menggunakan pengisian maklumat pergerakan buangan terjadual secara terus di talian (online) dalam Sistem Aplikasi Web e-Consignment Note (ECN) pada 1 Januari 2007. Bermula tahun 2013, sasaran pencapaian yang ditetapkan (KPI) oleh JAS bagi penggunaan sepenuhnya aplikasi ini oleh pihak industri adalah 100%. Oleh itu, latihan secara personal penggunaan aplikasi berkenaan telah diberikan ketika lawatan pemeriksaan ke premis-premis industri atau wakil premis yang datang sendiri ke pejabat JAS Kuala Lumpur.

Bagi meningkatkan pengurusan e-waste dari isi rumah, JAS telah menubuhkan satu mekanisma pengurusan e-waste dari isi rumah melalui Program Pengumpulan, Pengangkutan dan Pelupusan e-Waste dengan menubuhkan E-Waste Alam Alliance. Projek ini bertujuan untuk membangunkan sistem pengumpulan e-waste dari isi rumah yang bersesuaian, berkesan dan cekap. Program ini melibatkan lima (5) JAS Negeri termasuk JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Projek ini telah dilancarkan pada 11 Disember 2013 di Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Program penguatkuasaan terhadap pengeluaran dan pengurusan buangan terjadual bagi tahun 2013 telah dijalankan dengan memberi tumpuan kepada mengenalpasti punca-punca baru dan mengemaskini senarai inventori pengeluar buangan terjadual yang sedia ada. Penguatkuasaan juga telah dijalankan ke atas Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa e-Waste dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan yang telah dilesenkan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Berdasarkan inventori terkini, terdapat 365 punca pengeluar buangan terjadual, enam (6) Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa e-Waste dan enam (6) Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Senarai kemudahan tersebut adalah seperti di Jadual 2.1 dan 2.2.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 380 pemeriksaan telah dijalankan ke atas punca-punca yang menghasilkan buangan terjadual dan sebanyak 24 pemeriksaan ke atas Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa e-Waste dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan yang dilesenkan. Berdasarkan kepada inventori terkini, sebanyak 32,541.22 tan metrik buangan terjadual telah dijana pada tahun 2013.

Perubatan, Percetakan dan Bengkel/Workshop adalah jenis industri yang merupakan punca utama yang menghasilkan buangan terjadual di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan masing-masing menghasilkan sebanyak 44.54%, 41.43% dan 5.84% daripada keseluruhan jumlah yang dihasilkan. Jadual 2.3 menunjukkan jenis industri berdasarkan kod SIC yang menghasilkan buangan terjadual manakala Jadual 2.4 menunjukkan jenis/kod buangan terjadual yang dihasilkan sepanjang tahun 2013.

Jadual 2.0 Status pematuhan Kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Di Bawahnya Mengikut Jenis Industri, 2013

| Bil | Jenis Industri | Bil. Lawatan | PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009 dan PPKAS Kumbahan 2009 | | PPKAS (Udara Bersih) 1978 | | PPKAS Buangan Terjadual) 2005 | |
|--------------------------------|-----------------------------------|--------------|---|-------------|---------------------------|-------------|-------------------------------|--------------|
| | | | Patuh | Tidak Patuh | Patuh | Tidak Patuh | Patuh | Tidak Patuh |
| 1 | Kilang Kayu | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 |
| 2 | Plastik | 4 | 1 | 0 | 2 | 0 | 4 | 0 |
| 3 | Simen | 16 | 0 | 0 | 8 | 8 | 0 | 1 |
| 4 | Galian Bukan Logam | 3 | 1 | 0 | 2 | 0 | 2 | 0 |
| 5 | Pengilangan Logam | 17 | 8 | 2 | 11 | 1 | 14 | 0 |
| 6 | Elektrik & Elektronik | 8 | 1 | 0 | 7 | 0 | 5 | 0 |
| 7 | Industri Kimia | 7 | 1 | 0 | 5 | 0 | 4 | 1 |
| 8 | Kenderaan | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 |
| 9 | Berasaskan Getah | 3 | 2 | 0 | 3 | 0 | 3 | 0 |
| 10 | Kertas | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 11 | Tekstil | 7 | 5 | 0 | 6 | 0 | 7 | 0 |
| 12 | Penyudahan Logam & Sadur Elektrik | 3 | 2 | 1 | 3 | 0 | 2 | 1 |
| 13 | Makanan Dan Minuman | 36 | 26 | 4 | 26 | 1 | 11 | 0 |
| 14 | Loji Rawatan Air | 4 | 1 | 1 | 2 | 0 | 2 | 0 |
| 15 | Loji Janakuasa | 7 | 6 | 0 | 7 | 0 | 7 | 0 |
| 16 | Hotel | 25 | 0 | 0 | 19 | 6 | 2 | 23 |
| 17 | Percetakan | 20 | 3 | 0 | 17 | 0 | 17 | 4 |
| 18 | Perubatan | 181 | 0 | 0 | 15 | 0 | 134 | 47 |
| 19 | Bengkel/Workshop | 80 | 2 | 0 | 23 | 1 | 71 | 9 |
| 20 | Tapak Pelupusan Sampah | 2 | 2 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 |
| 21 | Perikanan Daratan | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 22 | Perkhidmatan | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 |
| 23 | Loji Kumbahan | 169 | 164 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah Lawatan | | 597 | 226 | 13 | 162 | 17 | 289 | 86 |
| Jumlah Premis Tertakluk | | | 239 | | 179 | | 375 | |
| Peratus Pematuhan | | | 94.56 | 5.44 | 90.50 | 9.50 | 77.07 | 22.93 |

Jadual 2.1: Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa e-Waste yang dilesenkan, 2013.

| Bil | Kemudahan | Kategori Buangan Terjadual Yang Diproses |
|-----|---------------------------------|--|
| 1 | SGK Technology Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110) |
| 2 | Prestasi Mewah Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110) |
| 3 | Ohgitani (M) Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110) |
| 4 | S.I.S.J Ushaniaga Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110) |
| 5 | Thanam Industry Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110) |
| 6 | High Cans Corporation Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik (SW 110) |

Jadual 2.2: Kuantiti Buangan Terjadual yang Dihasilkan Mengikut Jenis Industri, 2013

| Bil | Kemudahan | Jenis Buangan Terjadual Yang Diangkut | Kod Kategori Buangan Terjadual |
|-----|---------------------------------|---------------------------------------|--------------------------------|
| 1 | Thanam Industry Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik | SW 110 |
| 2 | SGK Technology Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik | SW 110 |
| 3 | Ohgitani (M) Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik | SW 110 |
| 4 | S.I.S.J Ushaniaga Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik | SW 110 |
| 5 | High Cans Corporation Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik | SW 110 |
| 6 | Prestasi Mewah Sdn. Bhd. | Buangan Elektrikal & Elektronik | SW 110 |

Jadual 2.3: Kuantiti Buangan Terjadual yang Dihasilkan Mengikut Jenis Industri, 2013

| Bil | Jenis Industri Berdasarkan Kod SIC | Kuantiti (mT) |
|----------------------------------|---|---------------------|
| 1 | Berasaskan Kayu | 0.01550 |
| 2 | Plastik | 1,462.00644 |
| 3 | Simen | 0.70000 |
| 4 | Galian Bukan Logam | 0.60000 |
| 5 | Penapisan Petroleum | 0.13500 |
| 6 | Pengilangan Logam | 64.45887 |
| 7 | Elektrik Dan Elektronik | 16.54630 |
| 8 | Industri Kimia | 250.48980 |
| 9 | Kenderaan | 86.66300 |
| 10 | Berasaskan Getah | 7.57800 |
| 11 | Kertas | 2.14800 |
| 12 | Tekstil | 0.06210 |
| 13 | Penyudahan Logam Dan Sadur Elektrik | 17.53583 |
| 14 | Makanan & Minuman | 5.53765 |
| 15 | Loji Pengolahan Kumbahan (IWK, Majari, PBT) | 0.59120 |
| 16 | Loji Rawatan Air | 297.44880 |
| 17 | Loji Janakuasa | 2.29100 |
| 18 | Hotel | 14.12935 |
| 19 | Percetakan | 13,482.97750 |
| 20 | Perubatan | 14,495.07958 |
| 21 | Bengkel / Workshop | 1,901.23698 |
| 22 | Perlombongan | 16.24700 |
| 23 | Pembuatan Payung dan Lain-lain Industri Pembuatan | 0.06410 |
| 24 | Perkhidmatan | 0.42000 |
| 25 | Premis Buangan Terjadual (PYDT) | 208.02875 |
| 26 | Restoran | 1.29970 |
| 27 | Lain-lain | 206.93154 |
| Kuantiti Keseluruhan (mT) | | 32,541.22199 |

Jadual 2.4: Kuantiti Buangan Terjadual yang Dihasilkan Mengikut Jenis/Kod Buangan Terjadual, 2013

| Bil | Jenis Buangan Berdasarkan Kod BT | Kuantiti (mT) |
|----------------------------------|----------------------------------|---------------------|
| 1 | SW101 | 1,555.62200 |
| 2 | SW102 | 182.73440 |
| 3 | SW103 | 0.22740 |
| 4 | SW104 | 5.75300 |
| 5 | SW109 | 4.88709 |
| 6 | SW110 | 225.94710 |
| 7 | SW204 | 401.18257 |
| 8 | SW206 | 7.81300 |
| 9 | SW301 | 4.00400 |
| 10 | SW302 | 0.10900 |
| 11 | SW303 | 1.80000 |
| 12 | SW305 | 1,766.74950 |
| 13 | SW306 | 11.45950 |
| 14 | SW307 | 44.00000 |
| 15 | SW309 | 0.41750 |
| 16 | SW311 | 0.06000 |
| 17 | SW312 | 26.86300 |
| 18 | SW320 | 1.07960 |
| 19 | SW321 | 7.41400 |
| 20 | SW322 | 746.52235 |
| 21 | SW323 | 1.90400 |
| 22 | SW325 | 0.22000 |
| 23 | SW327 | 2.98000 |
| 24 | SW401 | 2.73165 |
| 25 | SW402 | 11.02700 |
| 26 | SW403 | 6.72400 |
| 27 | SW404 | 12,833.11260 |
| 28 | SW408 | 1.98310 |
| 29 | SW409 | 2,060.55856 |
| 30 | SW410 | 2,544.17559 |
| 31 | SW414 | 0.60200 |
| 32 | SW416 | 13.17300 |
| 33 | SW417 | 63.00560 |
| 34 | SW418 | 7.84458 |
| 35 | SW421 | 1.52150 |
| 36 | SW422 | 0.56400 |
| 37 | SW423 | 9,991.31840 |
| 38 | SW427 | 0.02000 |
| 39 | SW429 | 3.11140 |
| Kuantiti Keseluruhan (mT) | | 32,541.22199 |



PROGRAM AWASI DAN STATIK


Kawalan pelepasan asap hitam berlebihan daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan melalui Program AWASI (Area Watch And Sanction Inspection) di mana pegawai peronda JAS menjalankan rondaan di jalan-jalan utama sekitar Kuala Lumpur dengan memerhati dan memeriksa kenderaan berenjin diesel yang mengeluarkan asap hitam berlebihan.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 807 operasi penguatkuasaan secara rondaan (AWASI) telah dijalankan di mana 88,758 kenderaan telah dipantau. Daripada jumlah kenderaan yang dipantau sebanyak 135 telah didapati melepaskan asap hitam yang berlebihan dan surat arahan dikeluarkan untuk pemeriksaan semula pelepasan asap hitam. Maklumat pemilik kenderaan diperolehi daripada JPJ dan surat pemberitahuan di bawah Seksyen 48A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan berkenaan supaya membawa kenderaan mereka untuk menjalani ujian pelepasan asap hitam oleh Jabatan Alam Sekitar dan jika gagal mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Sepanjang tahun 2013 sebanyak 154 operasi penguatkuasaan secara statik telah dijalankan. Hasil operasi tersebut sejumlah 41,877 kenderaan berenjin diesel dibuat pemerhatian di mana 20,826 buah daripadanya telah diperiksa dan diuji dengan menggunakan meter asap. Daripada jumlah tersebut, 132 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun dan 143 Notis Arahan di bawah seksyen 48A, AKAS telah dikeluarkan kerana gagal mematuhi had ketumpatan maksimum asap 50 HSU atau 48.5 %, manakala sebuah kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan untuk tidak beroperasi sehingga dibaiki dan lulus ujian semula pelepasan asap hitam oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Peratus pematuhan keseluruhan adalah sebanyak 99.66 %. Operasi statik dijalankan di beberapa lokasi strategik seperti di Plaza Tol Sungai Besi, Plaza Tol Jalan Duta, Plaza Tol DUKE dan lokasi-lokasi lain yang bersesuaian.

Pemilik kenderaan yang didapati gagal mematuhi had pelepasan asap yang telah ditetapkan sebanyak 50 HSU (Hartrige Smoke Unit) atau dalam unit asap setara yang lain atau dalam peratusan (%) atau unit lain akan dikenakan kompaun maksimum RM 2,000.00 manakala kenderaan yang melebihi 80 HSU akan dikenakan kompaun dan juga Perintah Larangan untuk tidak beroperasi sehingga kenderaan tersebut dibaiki dan lulus ujian semula pelepasan asap hitam.

Kenderaan yang paling banyak ditawarkan kompaun adalah lori kecil (94 buah), diikuti oleh lori (22 buah), trak ringan (13 buah), bas (1 buah), van (2 buah) seperti yang ditunjukkan di Rajah 2.0.



Rajah 2.0: Bilangan Kenderaan yang Dikompaun Mengikut Jenis, 2013.

OPERASI VIDEO KAMERA

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Video telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai penguatkuasa telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik seperti berdekatan persimpangan jalan, di atas jejambat, perhentian bas serta jalan masuk dan keluar bandaraya untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan dengan menggunakan kamera video. Maklumat pemilik kenderaan seterusnya diperolehi daripada JPJ dan disusuli dengan pengeluaran Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 10 hari dari tarikh yang ditetapkan. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 248 operasi video telah dijalankan, 24 buah kenderaan melepaskan asap hitam di bawah pemerhatian yang dijalankan terhadap 28,143 buah kenderaan diesel dan sebanyak 18 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

OPERASI BERSEPADU

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi lain iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 35 operasi bersama DBKL, dua (2) operasi bersama Polis Trafik Kuala Lumpur dua (2) operasi bersama JPJ.

SURAT PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 48A AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Di samping itu, sebanyak 274 Surat Pemberitahuan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan berenjin diesel yang didapati melepaskan asap hitam berlebihan melalui operasi rondaan dan aduan orang awam. Pemilik kenderaan yang diberi Surat Arahan tersebut dikehendaki membawa kenderaan mereka untuk menjalani ujian pelepasan asap hitam yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar dan jika gagal mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.

UJISEMULA KENDERAAN DIESEL DAN PETROL

Pemilik kenderaan motor yang telah ditawarkan kompaun dan diberikan Surat Pemberitahuan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan pemilik kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam yang diterima daripada orang awam adalah dikehendaki membawa kenderaan untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana pejabat Jabatan Alam Sekitar yang berhampiran. Bagi tahun 2013 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan program ujisemula kenderaan diesel di lokasi berhadapan Stadium Lumba Basikal (Velodrom), Bandar Tun Razak, Cheras sehingga bulan Ogos 2013 dan bermula September 2013 operasi ujisemula dijalankan di PUSPAKOM Wansa Maju, Kuala Lumpur. Operasi ujisemula di PUSPAKOM dijalankan pada hari Selasa dan Rabu setiap minggu pukul 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari. Ujisemula untuk kenderaan petrol masih dijalankan di hadapan Velodrom Cheras setiap hari khamis pukul 10.00 hingga 11.00 pagi.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 597 buah kenderaan berenjin diesel telah datang untuk menjalani ujian semula di lokasi yang ditetapkan. Sebanyak 413 telah lulus ujian semula dan 184 kenderaan pula telah gagal ujian untuk kali pertama. Manakala kenderaan berenjin petrol pula, sebanyak 116 buah kenderaan telah datang diujisemula di lokasi yang telah ditetapkan. Sebanyak 89 buah kenderaan telah lulus ujian semula dan 27 buah kenderaan pula telah gagal ujian untuk kali pertama. Terdapat juga kenderaan yang hadir menjalani ujian asap secara sukarela bagi memastikan kenderaan mereka tidak melepaskan asap hitam yang berlebihan.

KAWALAN PELEPASAN ASAP DI PERHENTIAN BAS AWAM

Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas lima (5) buah hentian bas awam sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Hentian Pudu Sentral, Hentian Putra, Hentian Duta, Hentian Pekeliling dan Hentian KL Sentral. Di bawah Peraturan ini, menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak 107 lawatan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut sepanjang tahun 2013 dan sebanyak 1,466 buah bas telah dipantau. Daripada jumlah pemantauan tersebut, tiada kompaun yang dikeluarkan.

KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA KENDERAAN BERENJIN PETROL

Pada tahun 2013, sebanyak 94 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Daripada operasi tersebut sejumlah 593 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Sebanyak 170 daripada kenderaan yang diuji didapati gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan dan 50 kenderaan telah ditawarkan kompaun mengikut SOP bagi kesalahan tersebut.

KAWALAN PUNCA KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan dikehendaki menyelenggara suatu kemudahan yang diluluskan dan hendaklah menjalankan ujian asap hitam ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Lawatan penguatkuasaan ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) atau individu/syarikat yang memiliki atau mengendalikan 10 buah atau lebih kenderaan motor berenjin diesel adalah bertujuan bagi mengawal pencemaran udara di peringkat punca (at source).

Sejumlah 70 lawatan telah dijalankan ke atas 70 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tiga (3) Notis Arahan dan tiga (3) kompaun dikenakan ke atas syarikat pada tahun 2013.

KAWALAN TERHADAP KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)

Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah suatu kemudahan, tempat atau bengkel yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menyediakan kemudahan menjalankan ujian pelepasan daripada kenderaan motor samada berenjin diesel atau petrol atau kedua-duanya sekali. KYDL dilengkapi dengan meter pengukuran asap yang berkenaan dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Bagi tahun 2013, sebanyak empat (4) buah premis dan 12 kali lawatan penguatkuasaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diberi kelulusan sebagai KYDL iaitu:

i. PUSPAKOM Wangsa Maju;

iii. PUSPAKOM Bukit Maluri;

ii. PUSPAKOM Cheras;

iv. AlamFlora Sdn. Bhd.

Lawatan penguatkuasaan telah dijalankan sebanyak tiga (3) kali setahun ke atas setiap KYDL.

KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN

Operasi Penguatkuasaan bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Sebanyak 42 Pusat Servis Penghawa Dingin kenderaan telah patuh dan sebanyak satu (1) buah kenderaan daripada 139 buah kenderaan yang telah diuji dengan menggunakan "Refrigerant Identifier" didapati telah gagal dan Surat Arahan telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan supaya mematuhi peraturan di atas.

KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN DIESEL

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 28 sampel telah diperuntukkan kepada Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk program persampelan di stesen pam minyak. Penguatkuasaan telah dijalankan ke atas 6 stesen pam minyak dan sebanyak 28 sampel telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis. Hasil analisis yang dijalankan didapati kesemua sampel tersebut telah mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel) 2007.

PENYEDIAAN BUKU LOG PELEPASAN GAS KENDERAAN BERENJIN PETROL

Program ini adalah bagi pematuhan kepada Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 iaitu keperluan penyediaan buku log untuk merekod keputusan ujian pelepasan gas dari kenderaan berenjin petrol. Sebanyak 6 premis telah dilawati pada tahun 2013. Buat masa sekarang, penguatkuasaan adalah tertumpu ke atas premis yang mengendalikan kenderaan perdagangan. Hasil daripada penguatkuasaan yang dijalankan didapati kesemua premis yang dilawati telah mematuhi peraturan di atas.

PENGUATKUASAAN BUNYI BISING MOTOSIKAL

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan ini tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 57 operasi penguatkuasaan telah dijalankan samada secara statik ataupun secara bersepadu bersama PDRM dan lain-lain agensi penguatkuasaan kerajaan. Sebanyak 1499 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan paras bunyi maksimum dan sebanyak 31 buah motorsikal telah diuji dengan menggunakan peralatan ujian bunyi bising. Dari jumlah tersebut hanya 13 didapati gagal mematuhi piawai yang ditetapkan dan sebanyak lima (5) pemilik motosikal telah diberikan surat arahan di bawah seksyen 48A AKAS . Kompaun ke atas pemilik motosikal telah dikeluarkan oleh PDRM diatas kesalahan membuat pengubahsuaian keatas ekzos motosikal.


KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA MOTOSIKAL

Pada tahun 2013, sebanyak 100 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, telah dijalankan. Sebanyak 2257 motorsikal telah ditahan untuk pemeriksaan pelepasan gas melahu bagi motosikal yang sedang digunakan. Daripada jumlah tersebut didapati 15 motosikal gagal mematuhi had pelepasan gas pelepasan Karbon Monoksida (CO) yang dibenarkan. Sebanyak tujuh (7) kompaun dan lapan (8) surat arahan dikeluarkan kepada pemilik motorsikal yang gagal mematuhi had.



Sepanjang tahun 2013, sebanyak 399 kes aduan pencemaran alam sekitar telah diterima dan diambil tindakan susulan berbanding 309 kes yang diterima pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 90 kes iaitu 29.13%. Peningkatan aduan yang diterima adalah disebabkan oleh peningkatan kesedaran dikalangan orang ramai mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar dengan berkurangnya tindakan orang ramai dalam melakukan pencemaran terhadap alam sekitar.

Statistik aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah terdiri daripada jenis atau bentuk pencemaran yang diterima. Di JAS WPKL, pencemaran udara masih merupakan jenis aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu kes pencemaran udara sebanyak 344 kes (86%), diikuti dengan kes pencemaran air dengan jumlah 16 kes (4.0%), kes pencemaran bunyi bising berjumlah 15 kes (3.8%), kes pencemaran lain-lain yang dikategorikan sebagai aduan umum berjumlah 14 kes (3.5%), kes pencemaran buangan terjadual berjumlah 5 kes (1.3%), kes pencemaran tumpahan minyak dengan jumlah hanya 3 kes (0.8%) dan bilangan yang paling rendah di bawah kes pencemaran gegaran dan tanah masing-masing iaitu 1 kes (0.3%). Pecahan aduan yang diterima sepanjang tahun 2013 mengikut jenis aduan adalah seperti di dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1: Bilangan Jenis Aduan yang Diterima Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2013

RONDAAN PENCEMARAN

Sebanyak 543 rondaan pencemaran telah dijalankan sepanjang tahun 2013. Rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Cheras dan sempadan Mukim Petaling kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai zon larangan pembakaran terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya. Rondaan juga tertumpu terhadap kawasan yang kerap menerima aduan dan berlaku pencemaran alam sekitar.


TINDAKAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 28 kes telah dikenakan tindakan mahkamah bagi kesalahan di bawah Seksyen 22(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu pelepasan pencemaran daripada enjin diesel, pelepasan pencemaran daripada enjin petrol dan pelepasan pencemaran daripada motosikal. Bilangan kes bagi pelepasan pencemaran daripada enjin diesel adalah sebanyak 10 kes iaitu 7 kes telah selesai didakwa dengan jumlah kutipan denda sebanyak RM 11,650.00, 2 kes telah ditarik balik kerana telah membayar kompaun dengan jumlah bayaran kompaun sebanyak RM 4,000.00 dan 1 kes telah DNA. Bilangan kes bagi pelepasan pencemaran daripada enjin petrol adalah sebanyak 15 kes, dimana 6 kes telah selesai didakwa dengan jumlah kutipan denda sebanyak RM 2,250.00, 7 kes ditarik balik kerana telah membayar kompaun dengan jumlah bayaran kompaun sebanyak RM 2,100.00 dan 2 kes telah DNAA. Manakala bilangan kes bagi pelepasan pencemaran daripada motosikal pula adalah sebanyak 3 kes, dimana 2 kes telah selesai didakwa dengan jumlah kutipan denda sebanyak RM 550.00 dan 1 kes telah DNA. Jumlah kutipan keseluruhan adalah sebanyak RM 20,550.00 pada tahun 2013.

Jadual 2.5 : Bilangan Kes Tindakan Mahkamah Dan Denda, 2013

| JENIS INDUSTRI/PUNCA | BILANGAN KES | DENDA (RM) |
|--|--------------|-----------------------------|
| Seksyen 18 | | |
| ▪ Premis beroperasi tanpa lesen | 0 | 0 |
| Seksyen 22 | | |
| ▪ Pelepasan pencemaran daripada enjin diesel | 10 | RM 15,650.00 1 kes = DNA |
| ▪ Pelepasan pecemaran daripada enjin petrol | | |
| ▪ Pelepasan pencemaran daripada motosikal | | |
| Seksyen 23 | | |
| ▪ Pelepasan bunyi bising oleh kenderaan | 15 | RM 4,350.00 2 kes = DNAA |
| Seksyen 25 | | |
| ▪ Pelepasan pencemaran ke dalam air daratan | 3 | RM 550.00 1 kes = DNA |
| | 0 | 0 |
| | 0 | 0 |
| JUMLAH | 28 | 20,550.00 |

Nota:

DNAA - Dilepaskan tanpa dibebaskan.

DNA - Dilepaskan dan dibebaskan.

BAB 3

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

UNIT PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKITAR (EIA)




Pemprosesan Laporan EIA

Pada tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah memproses lima (5) Laporan Awal EIA.

Program Penguatkuasaan EIA

Terdapat sebanyak 57 projek EIA dan 6 projek EIA administrative bagi JAS WPKL sehingga bulan Disember 2013.

Sebanyak 55 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 13 projek EIA yang dipantau bagi tahun 2013 yang melibatkan projek di peringkat pembinaan dan juga yang telah beroperasi. Berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan tersebut, sebanyak 16 Notis Arahan, 25 Surat Arahan dan 3 kompaun telah dikeluarkan bagi tahun 2013.



Rajah 3.0: Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek Yang Tertakluk Di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.

Persampelan bagi pelepasan daripada *Leachate Treatment Plant*, Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin



Persampelan insitu bagi pelepasan pepejal terampai daripada silt trap






Penilaian Awal Tapak (PAT)

Ulasan Penilaian Awal Tapak (PAT) yang dikeluarkan bagi sesuatu projek pembangunan sama ada yang tertakluk atau tidak tertakluk kepada keperluan menjalankan kajian EIA mengikut Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah bertujuan bagi memastikan sesuatu permohonan projek diatas tapak yang dipohon bersesuaian dengan perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta garis panduan penempatan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar keluaran Oktober 2012 “ *Guidelines for Siting and Zoning of Industry and Residential Area*” .

Bagi penempatan loji konkrit sama ada sementara atau tetap, kelulusan penempatan premis loji pembancuh konkrit berkenaan hanya dikeluarkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) manakala Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan memastikan premis mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 sebagaimana di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Setiap ulasan dan keputusan yang dikeluarkan bagi sesuatu permohonan penempatan industri adalah mengambil kira kehendak dan peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi mengawal impak negatif terhadap orang awam dan alam sekitar dengan mengambil kira proses yang akan dijalankan, bahan mentah dan alat kawalan yang akan dipasang serta memastikan zon penempatan adalah cukup.

Bagi tahun 2013, status bilangan kes permohonan PAT yang diterima bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah seperti di Rajah 3.1.




Rajah 3.1: Status Permohonan Penilaian Awal Tapak Sepanjang Tahun 2013 mengikut Jenis Permohonan

Notifikasi Bertulis Loji Pengolahan Efluen

Notifikasi Bertulis bagi pemasangan Loji Pengolahan Efluen yang baru atau mempertingkatkan Sistem/Loji Pengolahan Efluen yang sedia ada dan pemasangan sistem perangkap minyak di stesen-stesen minyak adalah diberi kelulusan kebenaran bertulis sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepanjang 2013, terdapat 3 permohonan bagi Notifikasi Bertulis diterima dan diproses bagi Loji Pengolah Efluen dan 4 permohonan Loji Kumbahan diterima dan diproses (Rajah 3.2).

Rajah 3.2: Jenis Permohonan Notifikasi Bertulis yang Diproses bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2013




Kelulusan Bertulis


Bagi kelulusan permohonan Kelulusan Bertulis (KB) untuk pemasangan alat pembakaran bahanapi (APB) seperti dandang, janakuasa dan peralatan-peralatan kawalan pencemaran udara daripada cerobong seperti 'Scrubber', 'Spray Booth' dan 'Dust Collector' akan dikeluarkan mengikut peraturan 36 dan 38 sebagaimana dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Bagi tahun 2013, sebanyak 345 permohonan Kelulusan Bertulis (KB) bagi Alat Pembakaran Bahanapi (APB) telah diterima dan diproses. Manakala bagi permohonan Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU) adalah sebanyak 38 permohonan telah diterima dan diproses.

Jenis permohonan Kebenaran Bertulis, Alat Pembakaran Bahanapi dan Alat Kawalan Pencemaran Udara yang diterima dan diproses pada tahun 2013 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah seperti dalam Rajah 3.3 dan Rajah 3.4

Rajah 3.3: Jenis Permohonan KB/APB yang Diproses Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2013



Rajah 3.4: Jenis Permohonan KB/ AKPU yang Diproses Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2013



Lawatan Tapak bagi Permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT) dan Kebenaran Bertulis (KB)



Lawatan tapak bagi salah satu permohonan penilaian awal tapak bagi Loji Pembancuh Konkrit di (Jalan Lima) Chan Sow Lin



Alat kawalan pencemaran udara cyclone dust collector



Loji Pembancuh Konkrit di (Jalan Dua) Chan Sow Lin



Alat Kawalan Udara di dalam Premis Loji Pembancuh Konkrit



Lokasi bagi pembinaan Loji Rawatan Kumbahan



Boiler di Kilang Bihun semasa lawatan tapak



Status Kualiti Alam Sekeliling

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjalankan kerja-kerja pengawasan bagi status kualiti alam sekeliling untuk memantau serta mengenal pasti sebarang perubahan kepada alam sekeliling. Data-data dan input-input yang diperolehi ini disalurkan kepada Bahagian Operasi bagi tujuan penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran di samping meningkatkan kualiti alam sekeliling.

Pengawasan kualiti alam sekeliling di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terbahagi kepada 3 kategori iaitu pengawasan kualiti air sungai, pengawasan kualiti air tanah dan pengawasan kualiti udara.

Kualiti Air Sungai


Pada tahun 2013, terdapat lapan belas (18) stesen pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan sebelas (11) batang sungai iaitu Sungai Gombak, Sungai Klang, Sungai Jinjang, Sungai Batu, Sungai Keroh, Sungai Bunos, Sungai Toba, Sungai Untut, Sungai Air Busuk, Sungai Kerayong dan Sungai Penchala sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.0 dan Rajah 3.5. Secara keseluruhannya, Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) bagi tahun 2013 menunjukkan semua stesen pengawasan berada dalam kelas III kecuali bagi stesen di Sungai Pencala yang berada dalam kelas I (Rajah 3.6).



Peralatan Yang Digunakan Untuk Persampelan Dan Bacaan In-Situ Kualiti Air Sungai


Jadual 3.0: Stesen- Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Di Lembah Klang / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2013

| SUNGAI | STESEN | SUNGAI | STESEN |
|--------|--------|-----------|--------|
| KLANG | 1K06 | BUNOS | 1K37 |
| KLANG | 1K07 | JINJANG | 1K22 |
| KLANG | 1K08 | JINJANG | 1K38 |
| KLANG | 1K25 | KEROH | 1K21 |
| GOMBAK | 1K17 | KERAYONG | 1K47 |
| GOMBAK | 1K18 | TOBA | 1K31 |
| BATU | 1K19 | UNTUT | 1K32 |
| BUNOS | 1K27 | AIR BUSUK | 1K35 |
| BUNOS | 1K33 | PENCHALA | 1K50 |



Rajah 3.6 :Tren Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2013

Indikator pencemaran seperti di dalam Rajah 3.7 menunjukkan 92 % pencemaran sungai adalah daripada segi parameter Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), 93 % pencemaran Ammoniakal Nitrogen ($\text{NH}_3\text{-N}$) yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti industri pembuatan dan kumbahan manakala 16% pencemaran sungai adalah disebabkan oleh parameter pepejal terampai (SS) daripada aktiviti pembinaan dan kerja-kerja tanah.



Rajah 3.7 : Status Kualiti Air Sungai Mengikut Jenis Aktiviti, 2013

Kualiti Air Tanah

Pada tahun 2013, kerja-kerja pemantauan kualiti air tanah telah dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kesemua 6 telaga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedudukan dan bilangan telaga adalah seperti Jadual 3.1. Parameter-parameter yang dianalisa adalah logam berat, bahan kimia organik meruap (VOCs), jumlah keliatan (CaCO_3), jumlah pepejal terampai (TDS), sebatian berfenol (phenolic compound), racun makhluk perosak (pesticide), koliform dan bacaan in-situ iaitu pH, suhu, konduktiviti, kekeruhan dan oksigen terlarut (DO).

Jadual 3.1 : Lokasi Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah Di Lembah Klang/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2013


| Bil. | Lokasi | Bilangan Telaga |
|------|---------------------------------------|-----------------|
| 1. | Tapak Pelupusan Sampah Taman Beringin | 2 |
| 2. | Tapak Pelupusan Sampah Sungai Besi | 3 |
| 3. | Royal Golf Selangor Club | 1 |

Hasil pemantauan menunjukkan beberapa parameter telah dikesan melebihi had yang boleh diterima untuk kualiti air mentah di bawah Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan (Revised December 2000) seperti ditunjukkan di Jadual 3.2. Secara keseluruhan telaga-telaga yang dipantau, didapati 60 % melebihi nilai yang boleh diterima bagi Arsenik (As), 60% bagi Besi (Fe), 67 % bagi Manganam (Mn) seperti Rajah 3.8.

Jadual 3.2 : Nilai Yang Boleh Diterima Untuk Kualiti Air Mentah Malaysia (Garis panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan)

| Bil. | Parameter | Nilai Boleh Terima |
|------|------------------------------|---------------------------------------|
| 1 | Koliform | Tidak boleh dikesan bagi sampel 100ml |
| 2 | Sulfat | 250 mg/l |
| 3 | Klorida | 250 mg/l |
| 4 | Keliatan (CaCO_3) | 500 mg/l |
| 5 | Sebatian Berfenol | 0.002 mg/l |
| 6 | Nitrat | 10 mg/l |
| 7 | Jumlah Pepejal Terlarut | 1000 mg/l |
| 8 | Besi (Fe) | 0.3 mg/l |
| 9 | Manganam (Mn) | 0.1 mg/l |
| 10 | Kuprum | 1.0 mg/l |
| 11 | Kromium (Cr) | 0.05 mg/l |
| 12 | Plumbum (Pb) | 0.01 mg/l |
| 13 | Zink (Zn) | 3.0 mg/l |
| 14 | Kadmium (Cd) | 0.003 mg/l |
| 15 | Arsenik (As) | 0.01 mg/l |
| 16 | Raksa (Hg) | 0.001 mg/l |
| 17 | Selenium (Se) | 0.01 mg/l |

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia



Rajah 3.8 : Kualiti Air Tanah (Peratusan Parameter Yang Melempi Nilai Yang Boleh Terima) Bagi Telaga Air Tanah Di Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2013


Kualiti Udara

Program pengawasan kualiti udara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan oleh pihak Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) sejak Ogos 1995.

Tiga (3) buah stesen pengawasan udara automatik yang beroperasi secara automatik 24 jam telah ditempatkan di Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras dan Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Kuala Lumpur dan di Sekolah Menengah Presint 8, Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk pemantauan kualiti udara dan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Kuala Lumpur (Jadual 3.3). Pada tahun 2013, status kualiti udara (IPU) didapati berada pada tahap baik, sederhana dan beberapa hari mencatatkan bacaan tidak sihat bagi tiga stesen pengawasan yang dipantau seperti di Rajah 3.9.

Jadual 3.3 Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Udara Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2013

| Bil. | Stesen | Jenis |
|------|---|------------------------|
| 1. | Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras | Sistem Udara Automatik |
| 2. | Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Kuala Lumpur | Sistem Udara Automatik |
| 3. | Sekolah Menengah Presint 8, Wilayah Persekutuan Putrajaya | Sistem Udara Automatik |




Rajah 3.9 : Bilangan Hari Indeks Pencemaran Udara (IPU) Di Lembah Kelang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2013

UNIT KESEDARAN ALAM SEKITAR

Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan pelbagai aktiviti kesedaran alam sekitar untuk menyampaikan maklumat berkaitan undang-undang alam sekitar dengan tujuan meningkatkan kesedaran pelajar sekolah dan orang awam mengenai kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Aktiviti-aktiviti kesedaran yang telah dilaksanakan adalah ceramah, pameran dan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS), Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM), Program Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Program Sekolah Lestari (Rajah 3.10).



Rajah 3.10 :Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar Yang Telah Dijalankan Oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sepanjang Tahun 2013.

Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)

Sepanjang tahun 2013, sebanyak empat (4) aktiviti KeKAS telah diadakan seperti Jadual 3.4. Empat buah sekolah telah terpilih untuk pelaksanaan aktiviti KeKAS di peringkat sekolah yang bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan pelajar sekolah mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar.

Jadual 3.4 : Aktiviti KeKAS sepanjang tahun 2013.

| Bil | Nama Aktiviti | Tempat&Tarikh | Aktiviti |
|-----|--|--|--|
| 1 | Kem Kesedaran Alam Sekitar SMK Raja Ali | 27/4/2013 - 28/4/2013 NFC, FRIM Kepong, Selangor | Aktiviti kesedaran alam sekitar untuk menghargai dan tanam sifat sayang kepada alam |
| 2 | Kem Kesedaran Alam Sekitar SK Setapak | 17/5/2013 – 19/5/2013 ABC CAMP, Kg. Janda Baik, Bentong, Pahang | Aktiviti yang dilakukan mengikut Modul Ekosistem Sungai dan Hutan |
| 3 | Kem Kesedaran Alam Sekitar SK Jalan Air Panas | 4/10/2013 – 6/10/2013 ABC CAMP, Kg. Janda Baik, Bentong, Pahang | Aktiviti yang dilakukan mengikut Modul Ekosistem Sungai dan Hutan |
| 4 | Kem Kesedaran Alam Sekitar SK Se-gambut Makmur | 25/10/2013 – 27/10/2013 Kem Rekreasi Sg. Gading, Hulu Bernam Selangor | Aktiviti kesedaran alam sekitar untuk pupuk tanggungjawab dan disiplin terhadap alam |

Program Rakan Alam sekitar (RAS)

Beberapa program RAS telah diadakan seperti Jadual 3.5. Program-program yang diadakan merupakan salah satu usaha Jabatan Alam Sekitar untuk menyebarkan maklumat dan mempunyai matlamat yang murni untuk mendapatkan kerjasama serta penglibatan masyarakat demi menjaga dan melindungi alam sekitarnya khususnya di WPKL ini.

Matlamat Utama RAS ialah menjadikan orang ramai sebagai mata dan telinga jabatan dalam membentaras masalah alam sekitar berkonsepkan "community base" dan "hands-on". Disamping itu juga memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya menjaga alam sekitar ini tidak kira agama, bangsa, keturunan, tua atau muda juga lelaki atau perempuan.

Jadual 3.5: Program RAS sepanjang tahun 2012

| Bil. | Tarikh/Tempat | Program | Aktiviti |
|------|--|--|--|
| 1 | 9 Jun 2013 AEON Wangsa Maju | Kempen Jom Bawa Beg Sendiri Semasa Membeli Belah Sempena World Environmental Day (WED) | Program Jom Membawa Beg Sendiri Semasa Membeli Belah dilaksanakan dengan kerjasama SMKZONR1, Toyota Eco Youth, dan AEON Alpha Angle Shopping Centre Wangsa Maju. Penyertaan adalah terdiri daripada pelajar sekolah dan juga orang awam. Pihak PPSA dan Persatuan Penduduk turut di jemput untuk mengadakan pameran. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan mewarna, melukis poster, pertandingan kreativiti, dan menyelesaikan puzzle. Acara tersebut diselang seli dengan soalan kuiz yang diberi secara spontan kepada pengunjung serta edaran beg serbaguna kepada pengunjung pusat membeli belah AEON. |
| 2 | 21-23 Jun 2013 Excel Training, Broga Hill | Kem Penghayatan Kepentingan Alam Sekitar | Program ini telah mendapat kerjasama daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Para peserta program ini adalah seramai 55 orang yang melibatkan pelajar-pelajar daripada SMK Raja Ali, SMK Wangsa Melawati, guru pengiring, kakitangan JAS WPKL & DBKL. Antara pengisian aktiviti adalah Jungle Tracking, ceramah alam sekitar, mendaki Bukit Broga, dan lain-lain lagi. |
| 3 | 8 Disember 2013 Tasik Sri Rampai | Hari Rakan Alam Sekitar dan Pelancaran Program 3P bersama Parlimen Setiawangsa | JAS WPKL dengan kerjasama Pejabat Parlimen Setiawangsa telah mengadakan program RAS yang disertai oleh penduduk disekitar Setiawangsa. Program ini juga diselitkan dengan pelancaran Program 3P (Program Pemantau Pencemaran). Program ini telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Setiawangsa. |
| 4 | 11 Januari 2014 Dewan Perumahan Desa Pasifik Ampang, Kuala Lumpur | Program RAS bersama Parlimen Titiwangsa | Program mendapat kerjasama daripada Pejabat Parlimen Titiwangsa dan juga Penduduk Perumahan Desa Pasifik, Ampang. Antara pengisian program tersebut adalah seperti pertandingan fesyen kanak-kanak, pendaftaran ahli RAS, pembahagian beg sekolah kepada anak-anak penduduk Perumahan Desa Pasifik Ampang, dan sebagainya. Program ini telah dirasmikan oleh wakil dari Pejabat Parlimen Titiwangsa. |

Sambutan Minggu Alam Sekitar (MASM) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Matlamat utama Sambutan Minggu Alam Sekitar (MASM) adalah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Jadual 3.6: Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sempena sambutan MASM 2013 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

| Bil | Tarikh | Aktiviti | Tempat |
|-----|-----------------|-----------------------------------|----------------------------------|
| 1 | 24 Oktober 2013 | Hijaukan Bumi Kita | SK Alam Damai, Cheras |
| 2 | 26 Oktober 2013 | Sambutan MASM 2013 Peringkat WPKL | Taman Tasik Metropolitan, Kepong |

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)

Latar belakang

Program SLAAS merupakan program anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama teknikal daripada Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM. Objektif utama program ini adalah untuk membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengamal, menghayati dan membudayakan ciri-ciri mesra alam di persekitaran sekolah, rumah, komuniti setempat, masyarakat dan akhirnya di peringkat negara.

'Flagship' RAS

Bermula tahun 2011, program Sekolah Lestari dijadikan sebagai program 'flagship' dalam melaksanakan Program RAS di peringkat sekolah di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Program ini akan dilaksanakan mengikut kawasan Parlimen di seluruh Malaysia. Bagi kawasan wilayah persekutuan Kuala Lumpur melibatkan 12 Parlimen dan sebanyak 23 buah sekolah telah terlibat dan akan menyertai Anugerah Sekolah lestari sesi 2013/2014.

Pembangunan Sumber Manusia

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 106 program latihan telah dihadiri oleh kakitangan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah ini adalah merangkumi kursus, bengkel, seminar dan taklimat. Objektif program latihan yang diadakan untuk memantapkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kualiti kerja kakitangan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain program latihan, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga menganjurkan sejumlah 30 sesi kolokium di dalam dan diluar Jabatan yang berbentuk ceramah, taklimat dan latihan teknikal kepada semua pegawai. Para penceramah terdiri daripada wakil-wakil agensi Jabatan yang berkaitan dan juga pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah menghadiri kursus dalam bidang tertentu.



| | |
|---------|--|
| Program | Kempen Jom Bawa Beg Sendiri Semasa Membeli Belah Sempena World Environmental Day (WED) |
| Tarikh | 9 Jun 2013 |
| Tempat | AEON Wangsa Maju |



| | |
|---------|--|
| Program | Hari Rakan Alam Sekitar dan Pelancaran Program 3P bersama Parlimen Setiawangsa |
| Tarikh | 8 Disember 2013 |
| Tempat | Tasik Sri Rampai |



| | |
|---------|--|
| Program | Kem Penghayatan Kepentingan Alam Sekitar |
| Tarikh | 21 - 23 Jun 2013 |
| Tempat | Excel Training, Broga Hill |



| | |
|---------|---|
| Program | Program RAS bersama Parlimen Titiwangsa |
| Tarikh | 11 Januari 2014 |
| Tempat | Dewan Perumahan Desa Pasifik Ampang, Kuala Lumpur |



| | |
|---------|---|
| Program | Program RAS bersama Parlimen Titiwangsa |
| Tarikh | 11 Januari 2014 |
| Tempat | Dewan Perumahan Desa Pasifik Ampang, Kuala Lumpur |



| | |
|---------|--|
| Program | Sambutan Minggu Alam Sekitar (2013) Peringkat WPKL |
| Tarikh | 26 Oktober 2013 |
| Tempat | Taman Tasik Metropolitan, Kepong |



| | |
|---------|-----------------------|
| Program | Hijaukan Bumi Kita |
| Tarikh | 24 Oktober 2013 |
| Tempat | SK Alam Damai, Cheras |



Unit Audit dan GIS (Geographical Information System) menjalankan tugas audit bagi aktiviti-aktiviti Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL), menyelaras program River of Life, memantau aktiviti GIS serta menguruskan aset dan stor teknikal JAS WPKL.

Audit Aduan Kompleks

Audit dijalankan bagi aduan yang kompleks dan bermasalah untuk mengenalpasti punca-punca dan pendekatan mengatasi isu aduan tersebut. Pendekatan yang digunakan adalah dengan mendapatkan maklumat umum mengenai aduan tersebut seterusnya menjalankan siasatan dan syor pendekatan mengatasi isu aduan tersebut untuk tindakan unit-unit penguatkuasaan yang terlibat. Sepanjang 2013, sebanyak dua (2) kes telah disiasat seperti Jadual 3.7.

Jadual 3.7 : Aduan Kompleks di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



| Bil | Aduan Kompleks |
|-----|--|
| 1 | Aduan Bunyi Bising Setiawangsa (Lebuhraya DUKE) |
| 2 | Aduan Pengoperasian Kandang Lembu di Sungai Gombak dan Sg Belongkong |

Geographical Information System (GIS)

Aplikasi GIS iaitu dalam bentuk Portal GIS Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti di Rajah 3.11 telah disediakan untuk membantu pegawai-pegawai di jabatan ini bagi melaksanakan penguatkuasaan secara mudah, cepat dan berkesan bagi mendapatkan maklumat mengenai punca-punca pencemaran di sekitar Kuala Lumpur.

Portal GIS JAS disediakan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia dalam melaksanakan tugas kerja dan tanggungjawab seharian. Portal GIS ini dilengkapi dengan beberapa modul aplikasi GIS, modul latihan, kalendar aktiviti, dan ruangan blog serta forum yang mana bertujuan menjadi sebagai salah satu alat bantuan penting bagi pegawai JAS dalam melaksanakan tanggungjawab pengurusan alam sekitar secara berkesan dengan menggunakan sepenuhnya maklumat geospasial.

Aplikasi GIS ini digunakan oleh pegawai-pegawai JAS sebagai alat bantu kerja dalam menjalankan tanggungjawab pengurusan alam sekitar. Aplikasi ini dapat memaparkan taburan punca pencemaran alam sekitar yang diperolehi daripada sistem pangkalan data Jabatan serta digabungkan dengan maklumat spatial lain yang diperolehi dari sumber luar serta analisa dalaman. Aplikasi ini disesuaikan dengan tugas atau kerja yang dijalankan pegawai JAS seperti memproses permohonan penilaian awal tapak (PAT) atau penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA), penyiasatan aduan dan penguatkuasaan alam sekitar serta analisa bagi tujuan perancangan dan pengawasan alam sekitar.



Rajah 3.11: Portal GIS Jabatan Alam Sekitar

Bagi tujuan pendedahan dan memantap penggunaan GIS, aktiviti GIS diadakan untuk pegawai-pegawai di JAS WPKL selaras dengan sasaran Ibupejabat JAS yang ingin menerapkan penggunaan aplikasi GIS dalam penggunaan tugas atau kerja yang dijalankan. Pada tahun 2013, Unit Audit dan GIS telah menjalankan dua aktiviti berkenaan penggunaan portal GIS seperti di Jadual 3.8 .

Jadual 3.8: Aktiviti-aktiviti GIS Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur

| Bil | Aktiviti | Tarikh |
|-----|--|--|
| 1 | Latihan Hands-On GIS (Portal GIS) | 22 April 2013 -Sesi 1, 23 April 2013 - Sesi 2 |
| 2 | Kursus Penggunaan Portal GIS Jabatan Alam Sekitar Modul "River Of Life"(ROL) | 30 September 2013 |

Program River of Life (ROL)

River of life yang didefinisikan sebagai 'Sungai Nadi Kehidupan' merupakan projek Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (KL/KV) di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bagi Program Transformasi Ekonomi (ETP). Transformasi ini dibahagikan kepada 3 komponen iaitu komponen pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan koridor sungai. Tujuan projek ROL adalah untuk mentransformasikan Sungai Klang menjadi sebuah sungai ikon di bandaraya Kuala Lumpur yang berdaya maju dan membangun pesat , disamping kawasan tepian sungai yang memberi nilai ekonomi yang tinggi kepada Negara dengan meningkatkan kualiti air sungai bersih mencapai ke tahap Kelas IIB di Sungai Klang.

Di bawah projek ROL, JAS WPKL yang terlibat bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Inisiatif 11 iaitu Mempromosi, Menkuatkuasa dan Menguruskan Kebersihan Sungai dan Kesihatan Industri yang Menghasilkan Air Sisa/Efluen (Promote, Enforce and Manage River Cleanliness and Health-Industries that Generate Wastewater/Effluent) akan memantau dan mempertingkatkan lagi penguatkuasaan ke atas premis-premis berefluen, loji-loji rawatan sisa kumbahan, projek yang tertakluk dalam Environmental Impact Assessment (EIA) yang melibatkan kerja tanah dan aduan atau isu berkaitan projek ROL.

Unit Audit dan GIS ditugaskan untuk menguruskan aktiviti berkaitan program ROL di bawah Pelan Tindakan Inisiatif 11 tersebut. Data-data penguatkuasaan Industri /aktiviti yang penyumbang kepada pencemaran di kawasan program 'River of Life' perlu diselaraskan dan dianalisa untuk menyediakan data serta input bagi Mesyuarat Pasukan Petugas (Task Force) Projek 'River of Life' untuk Skop Pembersihan Sungai yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia setiap bulan.

SISTEM PENGURUSAN ASET



Pengurusan Aset dan Stor Teknikal

Pengurusan aset dan stor teknikal adalah elemen penting sebagai persediaan dari segi peralatan dan kemudahan untuk penguatkuasaan pegawai-pegawai JAS WPKL dan perlu diuruskan dengan baik. Bagi tujuan pengurusan aset jabatan iaitu termasuk aset di stor teknikal satu sistem pengurusan iaitu Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA) disediakan. SPA digunakan untuk menguruskan kawalan status peralatan aset di stor teknikal. Sistem ini dapat memantau aset-aset dan stok di Jabatan Alam Sekitar daripada kerosakan, kehilangan dan pergerakan harta modal. Sistem ini lebih sistematik bagi penyediaan peloparan tahunan. Aplikasi SPA dibangunkan mengikut kaedah kawalan pengurusan aset dan st



or yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia iaitu mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Perbendaharaan Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 Tatacara Pengurusan Stor. SPA dibangunkan untuk tujuan kawalan dan pemantauan aset bagi semua kementerian dan jabatan di Malaysia. Oleh itu, kesemua aset di JAS WPKL direkodkan dan dikawal dengan penggunaan sistem tersebut.

Jadual 3.9 dibawah menunjukkan nilai keseluruhan aset harta modal dan inventori JAS WPKL pada tahun 2013 yang telah direkodkan dalam sistem SPA. Disamping itu, bagi memastikan aset iaitu yang melibatkan harta modal seperti peralatan teknikal dapat digunakan dengan baik ianya perlu diselenggara secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan. Peralatan yang diselenggara untuk tahun 2013 adalah seperti di Jadual 3.10.

Sepanjang tahun 2013, beberapa kursus turut dihadiri oleh pegawai-pegawai JAS WPKL mengenai peralatan teknikal (Jadual 3.11). Tujuan kursus diadakan adalah sebagai pendedahan kepada pegawai-pegawai JAS yang perlu menggunakan peralatan tersebut untuk tugas penguatkuasaan. Peralatan teknikal sentiasa dikemaskini keperluan dan diterima aset peralatan baru untuk tujuan penguatkuasaan. Jadual 3.12 menyenaraikan beberapa peralatan teknikal yang telah diterima pada tahun 2013 dan telah dikemaskini di dalam sistem SPA.

Jadual 3.9 : Nilai Keseluruhan Aset Harta Modal dan Inventori

| Suku tahun pertama | Suku tahun kedua | Suku tahun ketiga | Suku tahun Keempat |
|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| Bil harta modal = 69 | Bil harta modal = 82 | Bil harta modal = 91 | Bil harta modal = 96 |
| Bil inventori = 1 | Bil inventori = 14 | Bil inventori = 12 | il inventori = 12 |
| RM 645,266.93 | RM 837,836.37 | RM 1,146,149.40 | RM 1,320,129.42 |

Jadual 3.10 : Peralatan-Peralatan yang Diselenggara

| Bil | Peralatan |
|-----|--|
| 1 | Muller Bem 898 no siri 11943 |
| 2 | Muller Bem 898 no siri 12445 |
| 3 | KALIBRASI CO/HC ANALYSER MODEL QRO-202 |

Jadual 3.11 : Senarai Kursus Peralatan Teknikal

| Bil | Kursus Peralatan Teknikal | Tempat |
|-----|---|---|
| 1 | Kursus penggunaan Multigas Monitor | Eimas, UKM Bangi |
| 2 | Kursus penggunaan Ambient Particulate Sampler | Eimas, UKM Bangi |
| 3 | Kursus penggunaan Sound Level Meter | Eimas, UKM Bangi |
| 4 | Kursus penggunaan Colorimeter, COD reaktor dan Water Flow Probe | Ibupejabat Jabatan Alam Sekitar,Putrajaya |
| 5 | Kursus penggunaan Komputer Tablet rugged | Ibupejabat Jabatan Alam Sekitar,Putrajaya |

*EIMAS: Institut Alam Sekitar Malaysia

Jadual 3.12 : Senarai Aset Teknikal

| Bil | Nama Aset | Tarikh perolehan | No siri Pendaftaran |
|-----|-------------------------------|------------------|---------------------|
| 1 | Global positioning System GPS | 13/03/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/1 |
| 2 | Global positioning System GPS | 13/03/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/2 |
| 3 | Smoke Test Set | 23/05/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/3 |
| 4 | Kamera Digital | 04/06/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/4 |
| 5 | Multigas Monitor | 18/07/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/5 |
| 6 | Injet Bubble Jet Printer | 12/09/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/9 |
| 7 | Ambient Particulate Sampler | 22/05/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/11 |
| 8 | Sound Level Meter | 21/11/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/12 |
| 9 | Sound Level Meter | 21/11/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/13 |
| 10 | Tachometer | 21/11/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/14 |
| 11 | Tachometer | 21/11/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/15 |
| 12 | Anemometer | 24/10/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/29 |
| 13 | Kamera Video | 05/12/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/30 |
| 14 | Colorimeter | 30/12/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/31 |
| 15 | COD reaktor | 30/12/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/32 |
| 16 | Water Flow Probe | 30/12/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/33 |
| 17 | Komputer Tablet rugged | 02/08/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/34 |
| 18 | Komputer Tablet rugged | 02/08/2013 | NRE/JAS(KL)/H/13/35 |



Stor Teknikal JASWPKL